



Majlis Perasmian




Bangunan Tambahan Fakulti Sains Komputer & Teknologi Maklumat Universiti Malaya

21 September 1998



Oleh

**YB Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Hj. Abdul Razak
Menteri Pendidikan Malaysia**



منتري فنديقن مليسيا
MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

KATA-KATA ALUAN

Saya mengucapkan tahniah kepada Pengurusan Universiti Malaya atas kejayaan membina satu lagi bangunan tambahan bagi Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat (FSKTM). Bangunan tambahan ini dapat mempertingkatkan keupayaan Universiti melatih lebih ramai pelajar bukan sahaja di peringkat ijazah dasar tetapi pada tahap ijazah tinggi.

Memandangkan keperluan negara untuk menambah tenaga mahir dan terlatih dalam bidang sains komputer dan teknologi maklumat, amat penting untuk semua kakitangan Fakulti dan para pelajar menggunakan segala kemudahan, kelengkapan dan ruang seoptimum mungkin tanpa pembaziran dan pertindihan. Saya rasa kemudahan ini bukan sahaja patut digunakan di waktu pejabat tetapi juga di waktu malam untuk berbagai kegiatan akademik dan pembelajaran.

Kelulusan peruntukan untuk pembinaan bangunan dan persediaan alat kelengkapan untuk bangunan tambahan FSKTM membuktikan penekanan Kerajaan dalam bidang sains dan teknologi terutamanya teknologi maklumat. Saya yakin Universiti Malaya akan terus berusaha mempertingkatkan kemudahan fizikal disamping terus mengekalkan kecemerlangannya dalam bidang akademik untuk menghadapi keperluan dan cabaran masa hadapan.

Selamat maju jaya.

Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Hj. Abdul Razak



KATA-KATA ALUAN

Naib Canselor Universiti Malaya


Universiti Malaya merasa amat bertuah kerana buat kali keduanya YB Menteri Pendidikan Malaysia bersetuju merasmikan pembukaan bangunan di Fakulti Sains Komputer & Teknologi Maklumat (FSKTM) : kali ini adalah perasmian bangunan tambahan Fakulti dengan pembinaan bernilai RM8.3 juta yang diperolehi dibawah Rancangan Malaysia Ketujuh.

Bangunan tambahan FSKTM dilengkapi dengan ruang-ruang pejabat, bilik kakitangan, bilik mesyuarat, makmal komputer, dewan kuliah dan bilik tutorial. Pembiayaan perkakasan dan peralatan sebanyak RM4.3 juta di bangunan tambahan telah didapati dari Kementerian Kewangan dengan sokongan penuh oleh Kementerian Pendidikan, dengan sebahagian besarnya sebagai Dasar Baru.

Dengan terbinanya bangunan tambahan ini, FSKTM berupaya menambah kemasukan pelajar ijazah dasar dari 250 pelajar kepada 560 pelajar pada sesi 1998. Ini merupakan penambahan sebanyak 125%. Saya amat berharap agar semua staf dan pelajar FSKTM akan memanfaatkan semua kelengkapan dan kemudahan yang disediakan dengan sepenuhnya bagi penyelidikan, pengajian dan pembelajaran masing-masing.

Bagi pihak Universiti Malaya, saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Kementerian Pendidikan dan Kewangan kerana dengan sokongan padu ini, bangunan tambahan FSKTM terbina dan dapat dirasmikan oleh YB Menteri Pendidikan.

Terima kasih.



Tan Sri Dato' Dr. Hj. Abdullah Sanusi Ahmad

ATURCARA

- | | |
|-----------|--|
| 8:30 pagi | - Ketibaan Para Tetamu dan Dif Kehormat |
| 8:50 pagi | - Ketibaan YBhg Tan Sri Dato' Dr. Hj. Abdullah Sanusi Ahmad, Naib Canselor, Universiti Malaya |
| 8:55 pagi | - Ketibaan YB Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Hj. Abdul Razak, Menteri Pendidikan Malaysia |
| 9:00 pagi | - Bacaan Doa |
| | - Ucapan alu-aluan oleh YBhg Naib Canselor, Universiti Malaya |
| | - Ucapan dan Perasmian Bangunan Tambahan Fakulti Sains Komputer & Teknologi Maklumat (FSKTM) oleh YB Menteri Pendidikan Malaysia |
| | - Menanam pokok oleh YB Menteri Pendidikan Malaysia |
| | - Menyingkap Tirai Papan Nama |
| | - Menandatangani Perjanjian di antara Universiti Malaya dan Universiti Tun Abdul Razak |
| | - Demonstrasi Multimedia |
| | - Pelancaran buku oleh YB Menteri Pendidikan Malaysia |
| | - Melawat Pameran FSKTM |
| | - Jamuan Ringan |
| | - Majlis Bersurai |

SEJARAH DAN PERKEMBANGAN FAKULTI SAINS KOMPUTER & TEKNOLOGI MAKLUMAT

Sejarah Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat bermula apabila Pusat Komputer ditubuhkan secara rasmi pada tahun 1965. Pada bulan Disember 1969, Pusat Komputer telah dinaikkan taraf sebagai sebuah institusi universiti yang khusus di bidang pengajaran dan penyelidikan sains komputer dan teknologi maklumat, di samping peranan asalnya sebagai satu pusat perkhidmatan.

Pada tahun 1974, Pusat Komputer mula melaksanakan kursus Diploma Sains Komputer yang merupakan



kursus lepasan ijazah. Setakat ini, jumlah siswazah yang telah lulus kursus tersebut bermula dari sesi 1974/75 hingga sesi 1997/98, telah melebihi 300 orang. Program ijazah Sarjana Sains Komputer dan ijazah Doktor Falsafah yang merupakan program ijazah tinggi secara penyelidikan juga telah diluluskan oleh Senat dan dikendalikan oleh Pusat Komputer mulai tahun 1985.

Bermula sesi 1990/91, Pusat Komputer telah menawarkan kursus ijazah Sarjana Muda

Sains Komputer yang memakan masa 4 tahun dengan bilangan pengambilan pertama seramai 50 orang. Seramai 43 orang graduan kumpulan pertama, di mana lapan daripadanya memperolehi ijazah Kelas Pertama telah dapat dikeluarkan pada sesi 1993/94. Sementara itu pada sesi 1994/95 graduan kumpulan kedua berjumlah 50 orang dan seramai 50 orang lagi telah dikeluarkan pada sesi 1995/96. Terdapat satu peningkatan dalam jumlah graduan Sarjana Muda Sains Komputer, dimana 100 pengambilan telah dibuat pada sesi 1996/97, dan bilangan ini meningkat kepada 150 pada sesi 1997/98, dan 350 pada sesi 1998/99. Bilangan pengambilan pelajar baru yang semakin meningkat ini menjanjikan lebih ramai graduan akan dapat dikeluarkan pada sesi-sesi akan datang. Selain itu, bermula pada sesi 1996/97, satu lagi program iaitu kursus ijazah Sarjana Muda Teknologi Maklumat telah diperkenalkan. Pengambilan pelajar bagi program ini bermula dengan 50 orang, diikuti dengan 100 orang pada sesi 1997/98, dan 200 pada sesi 1998/99.

Senat dalam mesyuaratnya pada 1hb. April 1993 telah bersetuju menubuhkan Lembaga Pengajian Pusat Komputer. Lembaga Pengajian tersebut antara lain memperakukan sebuah Fakulti baru ditubuhkan dengan nama Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat serta Pusat Komputer yang sedia ada dimansuhkan dan digantikan dengan Bahagian Perkhidmatan Komputer dan diletakkan di bawah Canseleri.

Majlis Universiti Malaya dalam mesyuaratnya pada 22hb. September 1994 telah bersetuju dengan penubuhan Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat. Pada tahun yang sama, sebuah bangunan baru telah mula dibina berhampiran Kolej Kediaman Kelapan. Bangunan tersebut telah siap dibina pada bulan November 1995 dengan harga hampir RM 5 juta. Bangunan ini seluas 1,600 meter persegi mempunyai tiga tingkat. Antara kemudahan yang terdapat di dalamnya termasuklah sebuah auditorium yang lengkap dengan kemudahan untuk pendidikan jarak jauh, lima bilik kuliah, lima makmal komputer, sebuah bilik dokumen, tiga makmal penyelidikan kecil, bilik-bilik pensyarah, bilik pelajar ijazah lanjutan, dua buah bilik mensyuarat, bilik rehat kakitangan dan ruang pejabat. Bangunan ini telah dirasmikan oleh YB Dato' Sri Najib bin Tun Hj. Abdul Razak, Menteri Pendidikan pada 26 September 1996.



Kini, tidak sampai dua tahun berikutnya, sebuah lagi bangunan tambahan bagi Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat telah diluluskan dan pembinaanya telah siap pada bulan Jun 1998. Bangunan baru ini adalah bertujuan menampung peningkatan bilangan pelajar yang memerlukan lebih banyak lagi kemudahan. Antara kemudahan yang disediakan di bangunan baru ini ialah 2 buah dewan kuliah yang mampu menampung 400 pelajar setiap satu, 7 buah makmal komputer yang menyediakan 350 buah komputer bagi kegunaan pelajar, 7 makmal penyelidikan, ruang pejabat yang lebih selesa, dan bilik pensyarah. Bangunan ini telah menelan belanja lebih kurang RM 8 juta.

Fakulti Sains Komputer & Teknologi Maklumat mempunyai misi : Untuk menjadi sebuah Pusat Pengajian dan Penyelidikan yang mengembangkan ilmu sains dan teknologi komputer seiring dengan perkembangan sains dan teknologi terkini bagi melahirkan masyarakat yang kaya maklumat melalui sumbangan graduan profesional cemerlang yang dilatih oleh program akademik yang kemas, lengkap dan mantap.



Bilangan penuntut pada sesi 1998/99 berjumlah 1033 orang. Pecahannya adalah seperti berikut :



Tahun Pertama (SMTM)	-	175 orang
Tahun Pertama (SMSK)	-	301 orang
Tahun Kedua (SMTM)	-	90 orang
Tahun Kedua (SMSK)	-	150 orang
Tahun Ketiga (SMTM)	-	52 orang
Tahun Ketiga (SMSK)	-	95 orang
Tahun Akhir (SMSK)	-	57 orang
Diploma Sains Komputer	-	12 orang
Sarjana Sains Perpustakaan dan Maklumat	-	38 orang
Sarjana Sains Komputer	-	41 orang
Sarjana Kejuruteraan	-	
Perisian	-	16 orang
Doktor Falsafah	-	6 orang

Para pensyarah Fakulti juga terlibat dengan pelbagai projek penyelidikan, penerbitan dan perundingan. Siswazah FSKTM juga telah berjaya menghasilkan beberapa perisian yang boleh dan telah dikomersialkan. Sementara itu, FSKTM ada menerbitkan dua jurnal, iaitu *Malaysia Journal of Computer Science* dan *Malaysian Journal of Library and Information Science*.

Penerangan :

SMTM - Sarjana Muda Teknologi Maklumat
 SMSK - Sarjana Muda Sains Komputer

**Pokok yang akan ditanam oleh
YB Dato Sri Mohd Najib bin Tun Hj. Abdul Razak
di perkarangan bangunan tambahan Fakulti Sains
Komputer dan Teknologi Maklumat – Pokok Penaga Lilin.**



Penaga lilin atau pun nama saintifiknya *Mesua ferrea* L. merupakan ahli dari keluarga kandis (Guttiferae). Ia juga dikenali sebagai pokok Ironwood. Di dalam bahasa Latin, namanya bermaksud 'tergolong di dalam besi' dan ini merujuk kepada kayunya yang sangat keras, kuat, kukuh dan tahan lama. Pokok penaga lilin boleh mencapai ketinggian sehingga 24 meter, mempunyai silara yang berbentuk kon serta rimbun. Daun mudanya berwarna merah kekuningan manakala bunganya besar, berwarna putih dan berbau harum.

Oleh kerana ia mempunyai ciri-ciri yang menarik, ia sering ditanam sebagai tanaman hiasan. Minyak yang diperolehi dari bijinya boleh digunakan untuk merawat luka dan bunganya juga digunakan didalam perubatan tradisional, manakala kayunya boleh digunakan sebagai sumber bahan binaan. Pokok ini hidup tersebar dari pergunungan Himalaya hingga ke Semenanjung Malaysia.



Artikel sumbangan :

Professor Haji Mohamed b. Abd. Majid
Ketua
Institut Sains Biologi
Universiti Malaya

KAKITANGAN AKADEMIK

FAKULTI SAINS KOMPUTER & TEKNOLOGI MAKLUMAT

DEKAN

Prof. Ir. Dr. Mashkuri Hj. Yaacob

TIMBALAN DEKAN

Prof. Madya Dr. Selvanathan Narainasamy

KETUA JABATAN SAINS MAKLUMAT & PERPUSTAKAAN

Prof. Madya Dr. Yew Kok Meng

KETUA JABATAN KEJURUTERAAN PERISISAN

Pn. Zarinah Mohd. Kasirun

KETUA UNIT KEPINTARAN BUATAN

Prof. Madya Dr. Selvanathan Narainasamy

KETUA UNIT SISTEM & TEKNOLOGI KOMPUTER/ PENYELARAS PENDIDIKAN JARAK JAUH

En. Abdullah Gani

PROFESOR PELAWAT

Prof. Bimal Kanti Sen

PENSYARAH

1. Prof. Madya Zainab Awang Ngah
2. Prof. Madya Dr. Sapiyan Baba
3. Dr. Diljit Singh a/l Balwant Singh
4. Dr. Lee Sai Peck
5. Dr. Syed Malek Fakar Duani bin Syed Mustapha
6. Pn. Fariza Hanum Md. Nasaruddin
7. En. Ling Teck Chaw
8. Pn. Mahfuzah Kamsah
9. En. Omar Zakaria
10. Cik. Ow Siew Hock
11. En. Phang Keat Keong
12. Pn. Rodina Ahmad

13. Pn. Rohana Mahmud
14. Pn. Salimah Mokhtar
15. Pn. Sameem Abdul Kareem
16. Pn. Siti Salwah Salim
17. En. Teh Kang Hai
18. Pn. Wu Swee Leng
19. Pn. Zaitun Abu Bakar

PENSYARAH SEMENTARA

1. Chong Tsewai
2. Ibrahim A. Abdurrazaq
3. Norizan Mohd. Yasin
4. Rukaini Hj. Abdullah

PENGAJAR SEMENTARA

1. Awang Asri Awang Ibrahim
2. Chiew Thiam Kian
3. Ho Shyue Kee
4. Mohd. Khalit Othman
5. Noorzaily Mohamed
6. Pang Yoke Meng
7. V. Santhimathy
8. Wong Wing Cho
9. Zaidi Razak

PENGAJAR SEMENTARA (SLAB)

1. Hannyzzura Pal @ Affal
2. Mazliza Othman
3. Miss Laiha Mat Kiah
4. Nor Aniza Abdullah
5. Raja Jamilah Raja Yusof
6. Rosli Salleh

**AHLI JAWATANKUASA INDUK PERASMIAN BANGUNAN TAMBAHAN
FAKULTI SAINS KOMPUTER & TEKNOLOGI MAKLUMAT
UNIVERSITI MALAYA**

Y. Bhg. Prof. Dato' Dr. Osman Bakar
Prof. Dr. Ir. Mashkuri Hj. Yaacob
Prof. Madya Dr. N. Selvanathan
Prof. Madya Dr. Yew Kok Meng
Prof. Madya Dr. Sapiyan Baba
Prof. Bimal Kanti Sen
Prof. Madya Zainab Awang Ngah
Dr. Diljit Singh a/1 Balwant Singh
Dr. Lee Sai Peck
Dr. Syed Malek Fakar Al-Duani
En. Abdullah Ghani
Pn. Zarinah Mohd. Kasirun
Pn. Salimah Mokhtar
En. Ling Teck Chaw
En. Omar Zakaria
En. Phang Keat Keong
En. Teh Kang Hai
Pn. Fariza Hanum Md. Nasaruddin
Pn. Rodina Ahmad
Pn. Rohana Mahmud
Pn. Wu Swee Leng
Pn. Sabariah Ishak
En. V.T. Ratnam

En. K. Puniamurthy
En. Yusoff Musa
Cik Azzyaty Razali
Cik Intan Mat Som
Cik Nor Fadhilah Mohd Noor
Cik Nyah Jali
Cik Punita Gunaseelan
Cik Salinatul Hasni Md. Jaan
En. Baharuddin Khalid
En. Mohd Aidil Yahya
En. Mohd Shabri Anas bin Uda Shafie
En. Mohd Zaidi Sidek
En. Nasrol Abdullah
En. Sim Kian Hwa
En. T.P Butmasilan
Pn. Azlin Mohd Ali
Pn. Koh Swee Neo
Pn. Loh Im Hoe
Pn. Mohaidah Muhamad
Pn. Nor Khaizura Mohamed Kassim
Pn. Norziah Talib
Pn. Nurul Akmar Hashim
Pn. Rogayah Abd. Hamid

PENGHARGAAN



**Jawatankuasa Perasmian Bangunan Tambahan Fakulti Sains Komputer & Teknologi Maklumat,
Universiti Malaya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada :**

**YB. Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Hj. Abdul Razak
Menteri Pendidikan Malaysia**

**YBhg. Tan Sri Dato' Hj. Basir bin Ismail
Pengerusi Majlis Universiti Malaya**

**YBhg. Tan Sri Dato' Dr. Hj. Abdullah Sanusi Ahmad
Naib Canselor Universiti Malaya**

Timbalan-timbalan Naib Canselor

Pejabat Pembangunan dan Penyelenggaraan Harta Benda

Bahagian Canseleri

Bahagian Perhubungan Awam

Pejabat Keselamatan

Jabatan Botani

Institut Sains Biologi

Unit Perundingan Universiti Malaya

Pusat Pendidikan Jarak Jauh

Pusat Kebudayaan

Accurate Network & System Integration Sdn. Bhd.

Complete Technology Services

PK Electronic (M) Sdn. Bhd.

Solid Backing Sdn. Bhd.

Solsisnet Sdn. Bhd.

Transdist Engineering Sdn. Bhd.

serta semua pihak lain yang telah turut membantu menjayakan majlis ini.